

## **PROSIDING**

# *Seminar* **POLITIK MALAYSIA**

### **Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **AGENDA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-12: KAJIAN KES DI NEGERI SELANGOR**

*Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Shaharuddin Badaruddin  
Norshidah Nordin, Mohd. Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno  
Khairul Faizi Mohd. Said, dan Shuaib Zainal Abidin*

## **ABSTRAK**

*Adakah kelakuan pengundi Melayu akan memihak kepada parti pemerintah ataupun sebaliknya seperti yang telah berlaku pada pilihan raya umum ke-10 pada tahun 1999? Bagaimana pula dengan agenda Melayu dalam pilihan raya kali ini; adakah masih menjadi keutamaan ataupun menjadi isu sampingan kerana parti politik pemerintah mahupun pembangkang melihat trend pengundian Melayu masih boleh diramalkan dan dijangkakan akan memihak kelompok mereka. Kertas kerja ini akan memaparkan kajian yang telah dibuat di negeri Selangor sewaktu Pilihan Raya Umum ke-12. Kajian ini ingin melihat trend pengundian orang Melayu dan isu-isu yang diketengahkan semasa kempen pilihan raya umum 2008 dijalankan. Ia akan memberi tumpuan kepada isu dan agenda Melayu di negeri Selangor sahaja memandangkan Selangor adalah pusat gerakan politik negara dan menjadi antara negeri paling panas dalam pilihan raya umum kali ini. Suasana di negeri Selangor yang lebih menampakkan ciri-ciri masyarakat majmuk meletakkan isu di negeri ini sangat penting terutamanya dalam memaparkan isu Melayu di sebuah kawasan yang majmuk sifatnya.*

## **PENGENALAN**

Sistem pilihan raya di Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana rakyat diberi kebebasan untuk memilih pucuk pimpinan mereka sendiri. Parti politik yang mendapat undian majoriti dalam pilihan raya tersebut akan mewakili rakyat untuk memerintah negara ini. Malah, pilihan raya umum merupakan suatu peristiwa yang bermakna kerana keputusannya akan menentukan masa depan semua lapisan rakyat (Syed Arabi Idid, 1994). Oleh itu, apabila pilihan raya diumumkan, sering kali menjadi rebutan hangat antara parti-parti politik yang bertanding untuk menambat hati rakyat supaya parti politik mereka menang dan seterus menjadi pemerintah negara. Pada kebiasaan pilihan raya di Malaysia akan berjalan setiap lima tahun sekali. Dalam erti kata lain, Perlembagaan Malaysia memerlukan Parlimen untuk memperoleh mandat yang baru setiap lima tahun dan diadakan dalam tempoh 60 hari selepas parlimen dibubarkan. Misalannya, pilihan raya umum ke-11 telah diadakan pada 21 Mac 2004 dan keputusannya menunjukkan bahawa rakyat telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk memegang tampuk pemerintahan. Barisan Nasional telah memenangi 198 kerusi parlimen berbanding 20 kerusi dimenangi gabungan parti pembangkang dengan satu calon bebas. Ini merupakan majoriti terbesar sejak pilihan raya 1978 (Wikipedia, 2004). Maka, pada tahun 2008, sekali lagi pilihan raya umum akan diadakan pada 8 Mac 2008. Pilihan raya ini

merupakan pilihan raya yang ke-12 semenjak pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1955. Ketika ini BN terus menerajui sebagai parti yang sangat berkuasa semenjak tahun 1974 (Balasubramaniam, 2005). Persoalannya pada pilihan raya umum ke-12 ini, mampukah kerajaan BN berjaya untuk memerintah semula dengan majoriti dua pertiga? Sejauh manakah BN dapat menambat hati rakyat dengan manifestonya serta mendebat isu-isu hangat yang dibawa oleh pihak pembangkang. Malah antara isu-isu sensitif yang dijangkakan akan digunakan dalam kempen pilihan raya adalah berkisar tentang isu-isu semasa dan berkaitan dengan kaum Melayu. Maka kajian dijalankan untuk melihat tingkah laku pengundi semasa parti calon berkempen iaitu dalam tempoh dua belas hari sebelum pilihan raya umum ke-12 bermula dan selepas keputusan pilihan raya diumumkan. Negeri Selangor menjadi fokus kajian memandangkan kempen dan isu secara agresifnya berlaku di Selangor dan Selangor juga dikategorikan sebagai sebuah negeri yang maju.

## **KAJIAN AGENDA MELAYU DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-12**

### **Objektif kajian**

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti bagaimana corak pemilihan calon dalam PRU12
2. Mengenal pasti isu-isu yang sering dikenangkan dalam kempen utama dalam pilihan raya umum ke-12
3. Mengenal pasti tren pengundian Melayu mengikut kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar

### **Sampel kajian**

Untuk tujuan tinjauan, seramai 300 responden telah terlibat dalam kajian ini. Pembahagian responden telah dipilih mengikut kawasan sasaran iaitu masyarakat Melayu yang tinggal di bandar, pinggir bandar dan luar bandar di negeri Selangor seperti di Jadual 1. Kaedah persampelan bukan rawak iaitu kebetulan digunakan untuk mendapatkan subjek kajian. Walau bagaimanapun hanya 223 responden yang memulangkan soal setidik tersebut.

Jadual 1: Kawasan Sasaran Responden

Bil.	Kawasan Selangor	Parlimen	Dun
1.	Luar bandar majoriti Melayu - lebih dari 75%	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar Sabak
2.	Luar bandar - majoriti kurang 55%	Kuala Langat	Tg. Sepat Sementa
3.	Bandar majoriti Melayu	Shah Alam	Batu Tiga Kota Anggerik
4.	Pinggir bandar majoriti Melayu	Gombak	Batu Caves Ijok
5.	Majoriti Melayu yang diberi kepada BN bukan Melayu	Kapar	Dengkil Hulu Kelang
6.	Minoriti Melayu	Serdang	Kinrara Sg. Pinang

## **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama menggunakan kaedah kualitatif sebagai pendekatan kepada reka bentuk kajian, manakala fasa kedua pula menggunakan pendekatan kajian berbentuk kuantitatif. Menurut Wiersma (2000) kepelbagaiannya reka bentuk kajian membantu pengkaji mendapat serta mengumpulkan data yang lebih terperinci bagi sesuatu senario. Crewell (1994) pula mengatakan bahawa kombinasi dua pendekatan ini memberi kelebihan kepada pengkaji untuk memahami persoalan kajian. Secara spesifiknya, fasa pertama menggunakan reka bentuk analisis dokumen. Reka bentuk kedua yang digunakan dalam kajian ini ialah tinjauan dan bersifat diskriptif. Satu soal selidik telah direka bentuk untuk mengumpul data bagi mendapat pandangan responden terhadap isu yang diketengahkan dalam pilihan raya umum. Kaedah tinjauan boleh memberikan generalisasi secara umum tentang sesuatu populasi yang dikaji (Wiersma, 2000).

## **Prosedur Pengumpulan Data**

Pengkaji telah menggunakan dua cara pengumpulan data iaitu analisis dokumen dan tinjauan. Dalam fasa pertama, pengkaji telah juga membuat analisis dokumen dengan menggunakan melihat bahan-bahan dari keratan akhbar tempatan seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian, Harakah dan sebagainya. Selain itu, bahan dari internet seperti ruang blog and percetakan secara *on-line* juga dianalisis. Analisis ini membolehkan pengkaji memahami “setting” atau kumpulan yang dikaji (Marshall & Rossman, 1995). Tujuan menjalankan analisis kandungan dokumen ini ialah seperti berikut:

1. Untuk melihat peratusan naik atau turun pengundi Melayu mengikut kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar
2. Untuk melihat apakah tren yang dilaporkan media mengenai isu Melayu dalam pilihan raya umum 12. Dalam fasa kedua satu set soal selidik telah direka bentuk untuk mendapat pendapat responden tentang isu Melayu yang diketengahkan semasa kempen pilihan raya umum ke-12

## **Instrumen Kajian**

Soal selidik digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Soal selidik ini dibina oleh penyelidik berdasarkan maklumat yang diperoleh dari bahan bacaan. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik iaitu bahagian A mengandungi item-item berkaitan dengan maklumat demografi responden. Antara item tersebut ialah jantina, umur, tempat tinggal dan tempat mengundi responden. Sementara itu, bahagian B terdapat lima item yang bertujuan mendapatkan data mengenai isu-isu Melayu yang sering diketengahkan oleh pihak parti politik yang bertanding.

## **Analisis Data Kuantitatif**

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Statistik deskriptif seperti taburan kekerapan, peratusan dan kecenderungan memusat digunakan bagi menghuraikan data-data tersebut.

## HASIL DAPATAN

### Corak pemilihan calon atau parti dalam PRU12

Jadual 2: Corak Pemilihan Calon atau Parti dalam PRU12

Corak Pemilihan	Kekerapan	Peratusan (%)
Peribadi Calon	61	27.4
Parti yang Bertanding	40	17.9
Kedua-duanya sekali	122	54.7
Jumlah	223	100.0

Jadual 2 di atas menunjukkan corak pemilihan calon dalam pilihan raya ke-12. Dapatkan menunjukkan bahawa majoriti daripada responden iaitu 122 (54.7%) menyatakan bahawa pemilihan mereka adalah berdasarkan kedua-dua faktor iaitu peribadi calon dan parti yang bertanding. Berbanding dengan mereka yang menyatakan mereka membuat keputusan berdasarkan parti yang bertanding sebanyak 40 responden (17.9%) dan pemilihan berdasarkan peribadi calon sebanyak 61 responden atau 27.4%. Namun demikian corak pemilihan sedemikian berbeza dengan tingkah laku pengundi dalam pilihan raya pada tahun 1990. Dalam pilihan raya tersebut, kajian menunjukkan bahawa pengundi lebih memilih parti daripada peribadi calon (Syed Arai idid, 1994).

### Dapatkan melalui analisis soal selidik

Jadual 3: Isu-isu yang Diketengahkan semasa Kempen PRU12

Bil.	Isu-isu PRU12	Kekerapan (Ya)	Peratusan (%)	Kekerapan (Tidak)	Peratusan (%)
1.	Hak Melayu	154	69.1	69	30.9
2.	Kos Sara Hidup	145	65.0	78	35.0
3.	Agama	138	61.9	85	38.1
4.	Kepimpinan Melayu	123	55.2	100	44.8
5.	Janji dalam Manifesto	116	52.0	107	48.0
6.	Subsidi	112	50.2	111	49.8
7.	Rasuah	111	49.8	112	50.2
8.	Islamiah Masyarakat Melayu	103	46.2	120	53.8
9.	Kehakiman	99	44.4	124	55.6
10.	Pendidikan	96	43.0	127	57.0
11.	Kumpulan Minoriti	40	17.9	183	82.1

Jadual 3 di atas memaparkan isu-isu yang sering diketengahkan dalam kempen utama dalam pilihan raya umum ke-12. Dapatan menunjukkan bahawa isu yang paling diketengahkan semasa kempen PRU12 adalah isu hak orang Melayu iaitu sebanyak 69.1% dan diikuti oleh isu kos sara hidup (65%) dan isu agama (61.9%). Berbanding dengan isu yang kurang diketengahkan dalam kempen PRU12 adalah mengenai isu kumpulan minoriti, iaitu 82.1% (183) dan isu pendidikan (57%). Manakala isu mengenai rasuah, kehakiman, kepimpinan Melayu, ukhuwah Islamiah masyarakat Melayu, janji manifesto dan isu subsidi, responden berpendapat hanya lebih kurang 50% sahaja isu-isu ini diketengahkan semasa kempen PRU12. Seterusnya, analisis lanjutan dijalankan untuk mengenal pasti isu Melayu yang kerap diperkatakan dalam kempen PRU12. Berikut adalah dapatan isu tersebut.

Jadual 4: Isu Melayu yang Kerap Diperkatakan

Isu Melayu	Skor Min	Std. Deviation
Ekonomi	4.13	1.075
Politik	4.13	1.149
Agama	4.09	1.221
Pendidikan	4.02	1.133
Masalah Sosial Remaja	4.01	1.508
Hak Keistimewaan Melayu	3.80	1.180

Jadual 4 memaparkan isu Melayu yang kerap diperkatakan semasa kempen PRU12. Dapatan menunjukkan bahawa responden menyatakan isu ekonomi dan isu politik kerap diperkatakan dalam kempen PRU12 dengan skor min 4.13. Ini diikuti oleh isu agama (skor min 4.09), isu pendidikan (skor min 4.02) dan isu masalah sosial remaja (skor min 4.01). Namun demikian isu yang sederhana kerap diperkatakan ialah isu hak istimewa orang Melayu dengan min skor 3.88. Analisis lanjutan juga dijalankan untuk mengetahui media apa yang sering digunakan oleh parti politik semasa berkempen dalam PRU12. Berikut adalah analisis keputusan dapatan tersebut.

Jadual 5: Media yang Kerap Digunakan oleh Parti Politik yang Berkempen

Media	Parti (Kekerapan dan Peratusan)			
	BN	PAS	PKR	Parti BEBAS
Poster	179 (80.3)	177 (79.4)	151 (67.7)	101 (45.3)
Banner	141 (63.2)	110 (49.3)	86 (38.6)	55 (24.7)
Radio	97 (43.5)	20 (9.0)	6 (2.7)	11 (4.9)
Risalah	158 (70.9)	158 (70.9)	120 (53.8)	70 (31.4)
Surat khabar	156 (70.0)	105 (47.1)	66 (29.6)	35 (15.7)
Televisyen	155 (69.5)	14 (6.3)	5 (2.2)	5 (2.2)
Ceramah	172 (77.1)	177 (79.4)	137 (61.4)	67 (30.0)

Jadual 5 menunjukkan media yang sering digunakan oleh parti politik semasa berkempen. Responden menyatakan bahawa parti Barisan Nasional sebagai parti yang memerintah telah menggunakan semua saluran media elektronik dan media cetak seperti poster (179), ceramah (172), surat khabar (156), televisyen (155), Banner (141) dan radio (97) untuk berkempen dalam PRU12. Berbanding dengan parti pembangkang seperti PAS lebih menggunakan saluran media seperti penyebaran poster (177), ceramah (177), risalah (158), surat khabar (105) dan banner (110). Walau bagaimanapun parti PAS kurang menggunakan saluran media elektronik seperti televisyen (14) dan radio (20). Ini kemungkinan kerana mereka tidak diberi ruang untuk berkempen melalui saluran tersebut. Bagi parti PKR, ruang untuk berkempen adalah dengan menggunakan poster, risalah dan ceramah. Manakala ruang untuk berkempen bagi parti bebas kebanyakkan menggunakan saluran media cetak seperti poster (101) dan risalah (70).

### **Mengenal Pasti Peratusan Majoriti Undian Melayu Mengikut Tahun dan Kawasan**

Bagi menjawab objektif di atas, penyelidikan telah mengguna data sekunder di mana data tersebut telah dipetik dari surat khabar harian untuk membuat perbandingan peratusan mengikut tahun dan kawasan. Jadual 11 hingga Jadual 15 adalah analisis perbandingan peratusan majoriti pengundian.

#### **Kawasan luar bandar majoriti Melayu lebih 75%**

**Jadual 6: Peratusan Majoriti di Kawasan Luar Bandar Melayu Lebih 75% di Sabak Bernam**

Kawasan	Tahun	Majoriti	% Majoriti	% Majoriti	Parti yang Menang
Parlimen - Sabak Bernam	2004	5348	23.9	Menurun 18.1	BN
	2008	1335	5.8		BN
Adun -	2004	1906	22.2	Menurun 20.9	BN
	2008	123	1.3		BN

Jadual 6 menunjukkan kawasan undian luar bandar majoriti Melayu lebih 75%. Keputusan pilihan raya umum ke-11 pada tahun 2004 menunjukkan bahawa BN telah memenangi kerusi parlimen dengan majoriti 23.9%. Namun demikian pada tahun 2008, walaupun BN menang di kerusi Parlimen dengan majoriti 5.8% tetapi secara perbandingan antara PRU11 dengan PRU12, peratusan majoriti telah menurun sebanyak 18.1%. Begitu juga di peringkat ADUN, walaupun BN telah memenangi dengan majoriti 1.3, tetapi peratusan majoriti dengan menurun sebanyak 20.9%. Ini bermakna undian di kawasan luar bandar yang majoriti Melayu seperti Sabak Bernam telah berkurangan bagi kawasan Parlimen dan ADUN. Namun demikian pada hakikatnya undian mereka masih kekal di tangan pemimpin Melayu walaupun berlaku penurunan majoriti pengundi Melayu yang cukup ketara dan di paras yang kritikal.

### Kawasan luar bandar majoriti Melayu kurang 55%

**Jadual 7: Peratusan Majoriti di Kawasan Luar Bandar Melayu Kurang 55% di Kuala Langat dan Tanjung Sepat**

Kawasan	Tahun	Majoriti	% Majoriti	% Majoriti	Parti yang Menang
Parlimen - Kuala Langat	2004 2008	1387 407	2.9 0.7	Menurun 2.2	BN PKR
Adun - Tanjung Sepat	2004 2008	3367 6077	24.7 42.7	Menurun 18	BN BN

Jadual 7 menunjukkan kawasan undian luar bandar majoriti Melayu kurang 55%. Keputusan pilihan raya umum tahun 2004 menunjukkan bahawa BN telah memenangi kerusi parlimen dengan majoriti 2.9%. Namun demikian pada tahun 2008, PKR telah memenangi kerusi Parlimen dengan majoriti 0.7%. Walaupun kerusi parlimen telah dimenangi oleh PKR, namun boleh dikatakan pengundi kawasan ini masih memilih pemimpin Melayu (i.e. Abdullah Sani Abdul Hamid). Di peringkat ADUN pula, BN telah memenangi dengan majoriti 24.7% (2004) berbanding dengan 42.7% (2008). Terdapat peningkatan majoriti sebanyak 18%. Ini bermakna undian di kawasan luar bandar yang majoriti Melayu kurang daripada 55%, seperti Kuala Langat dan Tanjung Sepat, namun masih menyokong BN dan pemimpin Melayu (i.e. Datuk Dr Karim Mansor). Ini disebabkan ada isu-isu setempat yang popular di kalangan pengundi kawasan tersebut.

### Kawasan bandar majoriti Melayu

**Jadual 8: Peratusan Majoriti di Kawasan Bandar di Batu Tiga, Shah Alam dan Lembah Jaya**

Kawasan	Tahun	Majoriti	% Majoriti	% Majoriti	Parti yang Menang
Parlimen - Batu Tiga	2004 2008	13410 9314	26.1 6.8	Menurun 19.3	BN PAS
Adun - Shah Alam	2004 2008	5513 7220	22.8 28.1	Menurun 5.3	BN PAS
Adun - Lembah Jaya	2004 2008	9307 2228	37.4 7.9	Menurun 29.5	BN PAS

Jadual 8 di atas menunjukkan peratusan majoriti kawasan bandar dengan majoriti Melayu. Keputusan pilihan raya umum tahun 2004 menunjukkan bahawa BN telah memenangi kerusi parlimen dengan majoriti 26.1%. Namun demikian pada tahun 2008, PAS telah memenangi kerusi Parlimen dengan majoriti 6.8%. Di peringkat ADUN pula, BN telah memenangi dengan majoriti 22.8% (2004) berbanding dengan 28.1% (2008) yang telah dirampas oleh parti PAS. Terdapat peningkatan majoriti sebanyak 5.3%. Sementara di Adun Lembah Jaya, pada tahun 2004, BN telah memenangi

kerusi tersebut dengan majoriti 37.4%; namun pada tahun 2008 kerusi Adun Lembah Jaya telah dirampas oleh PAS dengan majoriti 7.9%. Kesimpulannya, keputusan pilihan raya ke-12 di kawasan bandar dengan majoriti Melayu iaitu Shah Alam, Batu Tiga dan Lembah Jaya menunjukkan mereka masih menyokong orang Melayu tetapi tampok kuasa telah beralih kepada parti pembangkang iaitu parti PAS.

#### Kawasan pinggir bandar majoriti Melayu

**Jadual 9: Peratusan Majoriti di Kawasan Pinggir Bandar Majoriti Melayu di Kawasan Gombak, Dengkil dan Hulu Kelang**

Kawasan	Tahun	Majoriti	% Majoriti	% Majoriti	Parti yang Menang
Parlimen - Gombak	2004 2008	13207 6867	19.8 9.3	Menurun 10.5	BN PKR
Adun - Dengkil	2004 2008	8338 3367	48.1 16.5	Menurun 31.6	BN BN
Adun - Hulu Kelang	2004 2008	6876 2134	25.1 7.4	Menurun 17.7	BN PAS

Jadual 9 diatas menunjukkan peratusan majoriti kawasan pinggir bandar majoriti Melayu. Keputusan pilihan raya umum tahun 2004 menunjukkan bahawa BN telah memenangi kerusi parlimen Gombak dengan majoriti 19.8%. Namun demikian pada tahun 2008, PKR telah memenangi kerusi Parlimen dengan majoriti 9.3%. Di peringkat ADUN Dengkil pula, BN telah memenangi dengan majoriti 48.1% (2004) berbanding dengan 16.5% (2008). Terdapat penurunan majoriti sebanyak 31.6%. Sementara di Adun Hulu Kelang, pada tahun 2004, BN telah memenangi kerusi tersebut dengan majoriti 25.1%; namun pada tahun 2008 kerusi Adun Hulu Kelang telah dirampas oleh PAS dengan majoriti 7.4%. Kesimpulannya, keputusan pilihan raya ke-12 di kawasan pinggir bandar majoriti Melayu iaitu Gombak, Dengkil dan Hulu Kelang, menunjukkan mereka masih menyokong orang Melayu tetapi dua kawasan iaitu Hulu Kelang dan Gombak, tampok kuasa telah beralih kepada parti pembangkang iaitu parti PAS dan PKR.

#### Kawasan majoriti melayu di beri kepada parti komponen BN

**Jadual 10: Peratusan Majoriti Melayu yang diberi kepada Komponen BN di Kawasan Kapar, Batu Caves dan Ijok**

Kawasan	Tahun	Majoriti	% Majoriti	% Majoriti	Parti yang Menang
Parlimen - Kapar	2004 2008	14588 12307	19.8 14.6	Menurun 5.2	BN PKR
Adun - Batu Caves	2004 2008	1781 3639	10.4 19.3	Menurun 8.9	BN PKR
Adun - Ijok	2004 2008	1649 1920	18.1 15.3	Menurun 2.8	BN PKR

Jadual 10 diatas menunjukkan peratusan majoriti Melayu yang diberi kepada komponen BN. Keputusan pilihan raya umum tahun 2004 menunjukkan bahawa BN telah memenangi kerusi parlimen Kapar dengan majoriti 19.8%. Namun demikian pada tahun 2008, PKR telah memenangi kerusi Parlimen dengan majoriti 14.6%. Di peringkat ADUN Batu Caves pula, BN telah memenangi dengan majoriti 10.4% (2004) berbanding dengan 19.3% (2008) telah dimenangi oleh PKR. Terdapat peningkatan majoriti sebanyak 8.8%. Sementara di Adun Ijok, pada tahun 2004, BN telah memenangi kerusi tersebut dengan majoriti 18.1%; namun pada tahun 2008 kerusi Adun Ijok telah dirampas oleh PKR dengan majoriti 15.5%. Kesimpulan, keputusan pilihan raya ke-12 di kawasan majoriti Melayu yang diberi kepada komponen BN iaitu Batu Caves, Ijok dan menunjukkan mereka masih menyokong orang Melayu tetapi tampak kuasa telah beralih kepada parti pembangkang iaitu parti PKR.

## RUMUSAN KAJIAN


Berikut adalah rumusan dan berbincangan kajian mengikut objektif kajian.

### **Objektif 1: Mengenal pasti bagaimana corak pemilihan calon dalam PRU12**

Dalam PRU12, kajian menunjukkan bahawa responden menyatakan bahawa mereka lebih memilih kedua-dua faktor iaitu peribadi calon dan parti semasa mereka pergi mengundi nanti. Dalam hal ini menurut literatur terdapat dua sebab kemungkinan tingkah laku pengundi bertindak sedemikian; pertama sikap pengundi terhadap parti dan kedua sikap pengundi terhadap orientasi ideologi parti yang mereka anuti. Walau bagaimanapun, penilaian pengundi terhadap peribadi calon adalah bersifat jangka pendek dan penilaian ini boleh berubah pada pilihan raya yang akan datang berbanding dengan sikap mereka terhadap parti dan orientasi idoologi.

### **Objektif kedua: Mengenal pasti isu-isu yang sering diketengahkan dalam kempen utama dalam pilihan raya umum ke-12**

Terdapat pelbagai isu diketengahkan oleh parti politik dalam pilihan raya ke-12 ini. Namun demikian tren dan isu mengenai permasalahan asas kehidupan rakyat (lihat gambar rajah di bawah) seperti kos sara hidup, hak orang Melayu, subsidi adalah di antara topik hangat dibincangkan semasa kempen dijalankan. Kajian menunjukkan bahawa faktor masalah orang Melayu dan ekonomi adalah isu hangat yang sering dikempenkan. Rakyat lebih tertarik dengan permasalahan asas kehidupan harian mereka yang dibawa oleh pihak pembangkang dari isu yang bersifat makro seperti pembangunan negara dan sebagainya yang diketengahkan oleh pihak kerajaan.



Rajah 1: Isu-isu yang Menjadi Isu Utama dalam Pilihan Raya Umum Ke-12

Jika dibandingkan dengan pilihan raya 2004 tidak terdapat isu besar yang mengancam kedudukan Barisan Nasional ketika pilihan raya ketika itu, dan kemungkinan rakyat mahu lihat tindakan serta kredibiliti Datuk Seri Abdullah Badawi yang baru dilantik menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri. Namun demikian perkara ini amat berbeza dengan keadaan pilihan raya 2008. Barisan Nasional menghadapi pelbagai isu dan antaranya mengenai kos sara hidup yang tinggi, isu harga minyak yang melambung tinggi dan hak orang Melayu. Dalam hal in Zainudin Mahmud (2008) mengatakan BN gagal menangani ancaman yang berpunca daripada kelemahan kepimpinan, pentadbiran, dasar dan amalan politik mereka. Manakala menurut Zainal Kling (2008) menyatakan mengenai senario yang berbeza dengan memberi pandangan berikut:

1. Akibat pendirian Perdana Menteri yang agak liberal dalam pemerintahan beliau, maka ruang ini telah digunakan oleh pelbagai pihak untuk mempersoalkan undang-undang dan perlembagaan Malaysia yang memberikan kedudukan istimewa kepada bumiputera. Pelbagai isu mula di persoalkan secara terbuka dan bebas sehingga ramai orang tidak senang dengan keterbukaan tersebut
2. Dalam masa yang sama masalah ekonomi negara kian runcing seperti harga minyak dan keperluan barang harian menjadikan isu ini begitu serius diperdebatkan semasa kempen PRU12
3. Selain itu, kaedah BN khususnya PM menyelesaikan masalah Hindraf telah memberi impak yang negatif kepada rakyat
4. Imej beretika yang dilauangkan oleh PM juga telah tercalar yang membawa kepada isu rasuah yang sering diperkatakan semasa kempen PRU12

Dari sudut pemerhatian penyelidik, adalah didapati bahawa kempen parti pembangkang pada awal lagi lebih agresif daripada parti kerajaan. Isu-isu yang dibawa oleh pembangkang lebih membakar semangat rakyat. Ini dapat dilihat dari jumlah rakyat yang datang untuk mendengar ucapan serta sorakan semangat mereka memberi sokongan dalam kempen PRU12. Berbanding dengan kempen yang dilakukan BN, penyelidik memerhatikan bahawa ucapan serta isu pembangunan yang sering divarvarkan oleh BN agak kurang mendapat sambutan di sesetengah tempat dan masih lagi memabawa isu-isu lama yang sudah difahami dan diadili seperti isu liwat Dato Seri Anwar Ibrahim secara khusus.

Walau bagaimanapun jika dilihat dari segi penggunaan media pula, responden berpendapat parti kerajaan lebih agresif menggunakan media massa seperti televisyen, radio, akhbar, banner, risalah dan ceramah berbanding dengan barisan rakyat atau parti pembangkang yang hanya menggunakan saluran seperti pengedaran poster, pengantungan poster dan ceramah (lihat Rajah 1). Ini juga membawa faktor tidak senang di kalangan rakyat atas ketidaksaan perasamaan dan keadilan untuk berkempen melalui media sehingga dibuktikan semasa pembuangan undi dengan menyokong kepada pembangkang.

Keputusan PRU12 menunjukkan parti BN kalah teruk kepada parti pembangkang. Lima buah negeri iaitu Selangor, Kelantan, Kedah, Penang dan Perak jatuh ke tangan parti pembangkang iaitu Barisan Rakyat. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa peranan media massa seperti akhbar, televisyen, radio dan sebagainya bukan suatu premis menentukan rakyat berfikir dan membuat keputusan. Namun demikian penggunaan blog dan internet yang tidak diberi penekanan dalam kajian ini perlu dilihat dengan lebih serius kerana saluran tersebut didapati lebih popular dan mempengaruhi fikiran rakyat.

Jadual 11: Media yang Digunakan untuk Berkempen Semasa PRU12

Bil.	Media	BN	PAS	PKR	Parti BEBAS
1.	Poster	179 (80.3%)	177 (79.4%)	151 (67.7%)	101 (45.3%)
2.	Banner	141 (63.2%)	110 (49.3%)	86 (38.6%)	55 (24.7%)
3.	Radio	97 (43.5%)	20 (9.0%)	6 (2.7%)	11 (4.9%)
4.	Risalah	158 (70.9%)	158 (70.9%)	120 (53.8%)	70 (31.4%)
5.	Surat khabar	156 (70.0%)	105 (47.1%)	66 (29.6%)	35 (15.7%)
6.	Televisyen	155 (69.5%)	14 (6.3%)	5 (2.2%)	5 (2.2%)
7.	Ceramah	172 (77.1%)	177 (79.4%)	137 (61.4%)	67 (30.0%)

#### Objektif ketiga: Mengenal pasti tren pengundian Melayu mengikut kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa walaupun tren undian Melayu telah menurun tetapi rakyat masih memilih calon Melayu tetapi dari parti pembangkang. Keputusan PRU12 menunjukkan tren pengundian Melayu tidak memihak kepada kerajaan. Keputusan pilihan raya menunjukkan lima buah negeri telah jatuh ke tangan parti pakatan rakyat. Mengapa pengundi berbuat demikian adalah persoalan yang agak sukar untuk dijawab. Oleh itu, kefahaman tentang tingkah laku pengundi dan apakah faktor pendorong mereka membuat keputusan untuk membuang undi sepertimana yang mereka kehendaki perlu dibuat analisis yang mendalam.

Oleh itu, siapa atau parti mana yang menang dalam pilihan raya bukanlah persoalan pokok tetapi persoalan lebih penting adalah mengapa rakyat yang keluar membuang undi memilih dan bersikap sedemikian dan apakah implikasinya terhadap keputusan tersebut. Persoalan ini bukannya mudah untuk diperkatakan. Dengan pemerhatian yang diperlihat melalui kempen pilihan raya, adakah ia cukup untuk menilai apakah sebenar yang tersirat dalam hati sanubari rakyat. Oleh itu, aspek-aspek yang unik dalam pilihan raya perlu digabungkan dengan kefahaman yang mendalam mengenai tingkah laku pengundi itu sendiri kerana ia adalah elemen penting yang perlu dikaji.

## KESIMPULAN

Selepas PRU ke-12, isu-isu Melayu masih dikumandangkan kerana kerajaan Pakatan Rakyat yang ujud di negeri Selangor dikatakan tidak menjunjung isu dan agenda Melayu. Walaupun dalam PRU ke-12 isu dan agenda Melayu tidak berapa diketengahkan, dengan tren yang terbaru ini sudah tentu ia akan menjadi agenda besar dalam pilihan raya umum yang akan datang.